

KATA – KATA ALUAN NAIB CANSELOR UTeM

KONVENSYEN PATRIOTISME MAHASISWA UTeM 2007/2008

KATA – KATA ALUAN NAIB CANSELOR UTeM

ALHAMDULILLAH, SAYA BERYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA MAKA, KONVENSYEN PATRIOTISME MAHASISWA UTeM 2007/2008 DAPAT DIREALISASIKAN.

SAYA AMAT BERBANGGA BAHAWA PROGRAM KONVENSYEN PATRIOTISME MAHASISWA UTeM 2007/2008 INI DAPAT DIADAKAN DENGAN SEMPURNA DAN JAYANYA. SAYA JUGA YAKIN BAHAWA KONVENSYEN INI MAMPU MEMBERI KESEDARAN DAN KEINSAFAN KEPADA MAHASISWA UNTUK MENGHAYATI SEMANGAT PERJUANGAN GENERASI TERDAHULU DALAM MENUNTUT KEMERDEKAAN, TANPA PENGORBANAN MEREKA DALAM MEMBEBASKAN TANAH AIR TERCINTA INI DARIPADA BELENGGU PENJAJAHAN PORTUGIS, BELANDA, JEPUN DAN BRITISH KITA MUNGKIN TIDAK AKAN DAPAT MERASAI NIKMAT KEBEBASAN

BERSUARA, BERFIKIR, BERKOMUNIKASI DAN BERINTERAKSI DI ANTARA SATU SAMA LAIN SEBAGAIMANA YANG DAPAT KITA LAKUKAN HARI INI.

BERKAT PERJUANGAN PARA PERWIRA KEMERDEKAAN DI ERA PERMODENAN YANG DITERAJUI OLEH ALMARHUM TENGGU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ DAN PARA PEJUANG SEANGKATAN DENGANNYA, GENERASI ERA GLOBALISASI BARU INI TELAH MAMPU BERDIRI GAGAH SAMA TINGGI DENGAN BANGSA-BANGSA LAIN DI DUNIA INI. HARI INI KITA MAMPU BERHADAPAN DENGAN PERSAINGAN LUAR DALAM PELBAGAI ASPEK KEHIDUPAN SAMA ADA EKONOMI, POLITIK DAN SOSIAL. MALAH KITA JAUH LEBIH MAJU DAN CEMERLANG BERBANDING DENGAN LAIN-LAIN NEGARA DI DUNIA INI.

SAYA YAKIN PENGISIAN PROGRAM INI DAPAT MEMBENTUK KESEDARAN TERHADAP MENGHARGAI PERJUANGAN MENUNTUT KEMERDEKAAN YANG TELAH DILALUI OLEH WIRA PAHLAWAN BANGSA KITA DENGAN RASA PENUH KEIKHLASAAN DI JIWA DAN SANUBARI MAHASISWA. JUSTERU, FENOMENA INI MAMPU MEWUJUDKAN SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI DALAM JIWA MAHASISWA BAGI MEMPERTAHANKAN NEGARA TERCINTA INI DARIPADA ANCAMAN LUAR SEKIRANYA DITAKDIRKAN MENJADI REALITI.

SAYA PERCAYA INPUT-INPUT YANG DIUTARAKAN DALAM KONVENSyen PATRIOTISME MAHASISWA UTeM INI DAPAT MEMBUKA MINDA MAHASISWA DAN WARGA UTeM SELUAS-LUASNYA DALAM MENGHADAPI CABARAN ERA GLOBALISASI SERTA MEMBENTUK JATI DIRI MAHASISWA UNGGUL.

AKHIR KATA, SYABAS DAN SEKALUNG TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN KONVENSyen INI. SEMOGA USAHA INI DIBERKATI OLEH ALLAH S.W.T DAN MENDAPAT KEREDHAANNYA.

SEKIAN, SELAMAT MAJU JAYA.

DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN

NAIB CANSELOR UTeM